

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 22.

BANDAR BRUNEI, RABU, 4 NOVEMBER, 1959 (3 Jemadul Awal, 1379)

PERCHUMA

TITAH D.Y.M.M. SULTAN BRUNEI DI-LAPAU

PILEHAN2 RAYA DI-ADAKAN SABELUM 2 TAHUN LAGI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin menyatakan pada masa mengishti-harkan pembukaan resmi Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-Lapau Diraja pada 21 October yang lalu bahawa menurut Perlembagaan baru Negeri Brunei, pilehan2 raya untuk memilih wakil2 ra'ayat akan di-adakan tidak lewat daripada dua tahun.

Sa-hingga pada satu masa yang Baginda fikir patut di-adakan pilehan2 raya itu dan wakil2 di-lantek oleh ra'ayat untuk mengambil tempat yang sebenar dalam Majlis Meshuarat Negeri, kata Duli Yang Maha Mulia, maka Baginda telah melantek 16 orang Ahli2 Yang Bukan Resmi dari Majlis Meshuarat Daerah yang ada sekarang ini yang Baginda fikirkan sangat layak untuk mewakili ra'ayat. Sa-lain dari itu, Baginda juga telah memilih 3 orang ahli yang dalam fikiran Baginda akan dengan sesungguhnya mewakili kumpolan2 dan sharat2 yang tertentu yang fikiran2 mereka mustahak di-dengari dalam Majlis Meshuarat itu.

Dalam titah tersebut Baginda menegaskan. "Di-dalam sejarah dunia beberapa orang telah ber-

korban kerana sebab kebebasan fikiran dan jaminan yang tuan2 sekarang ada ini di-dalam Perlembagaan ada-lah menjadi satu permata yang menjadi kewajipan dan hak tuan2 memelihara dan memperhargakan.

"Baik juga, dalam fikiran Beta, menyatakan bahawa dalam menggunakan anugerahan ini tuan2 akan memandang itu sa-bagai satu anugerahan dan bukan-lah sa-bagai satu hak membenarkan tuan2 mengeluarkan apa2 perkataan sekehendak hati".

Seterusnya Duli Yang Maha Mulia berkata bahawa dalam negeri2 yang lebih berpengalaman daripada Negeri ini pun dimana kebebasan fikiran telah diikuti berpuluh2 tahun, ada juga masa-masa yang ahli2 Perlimen

dan Majlis Meshuarat telah mensiasikan anugerahan itu.

Oleh kerana itu, kata Baginda, maka ada-lah menjadi satu kewajipan bagi ahli2 Majlis Meshuarat itu memberi timbangan yang adil, saksama dan berguna di-atas segala langkah2 pertad-biran Kerajaan untuk faedah am.

Sungguh pun dalam Perlembagaan baru Negeri Brunei ada sharat yang di-buat untuk lantekan sa-orang Speaker, Baginda berfikir bahawa belum lagi sampai masa-masa untuk melantek sa-orang Speaker.

Oleh yang demikian, kata Baginda, mengikut sharat2 Perlembagaan tersebut, Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menghormat tersebut, Yang AdE-TT jalankan kerja2 speaker bagi sementara ini, dan Baginda berharap sa-moga Ahli2 Majlis Meshuarat itu akan memberi segala kehormatan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu dan ta'at kepada segala ketetapan2 yang di-buat oleh Menteri Besar itu pada sa-tiap masa.

Penubohan Majlis Meshuarat Negeri Brunei, tegas Duli Yang Maha Mulia, ada-lah menjadi satu tanda di-dalam kemajuan Kerajaan Negeri menuju ka-araf Demokrasi berparlimen. Maka

(Lihat muka 8)

Penubohan Askar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei sedang memikirkan penubohan satu pasukan Askar Brunei dan butir2 yang di-chadangkan itu apabila siap kelak akan di-bentangkan kepada Majlis Meshuarat Negeri untuk pertimbangan.

Perkara tersebut telah diterangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada masa bertitah di-istiadat pembukaan resmi Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-Lapau Diraja pada 21 October yang lalu.

Dalam titah itu, Duli Yang Maha Mulia berkata bahawa mustahak-lah bagi Kerajaan Brunei menubuhkan dan memelihara pasukan2 bersenjata bagi mempertahankan Negeri ini sama ada langgaran dari luar dan juga kachau bilau dalam Negeri.



Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei bergambar ramai dengan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dan Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White sa-lepas di-langsungkan istiadat pembukaan resmi Majlis Meshuarat tersebut oleh Duli Yang Maha Mulia di-Lapau Diraja, Bandar Brunei pada 21 October yang lalu. Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (gambar di-penjuru sa-belah kanan) telah tidak dapat hadir di-istiadat yang bersejarah itu kerana pada masa tersebut beliau sedang menghadiri Persidangan Pemuda Sa-Dunia di-Negeri Jepun.

4 orang penuntut2 Brunei di-kurniakan biasiswa ka-Azhar University Kaherah

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pegawai2 muda Brunei yang telah di-kurniakan biasiswa untuk menuntut agama di-Mesir telah berlepas dengan kapal terbang dari lapangan terbang Brunei pada petang hari Rabu yang lalu.

Pegawai2 itu ia-lah Inche Muhammad Zain bin Haji Matserudin, Inche Mahalee bin Haji Abdullah, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dan Inche Abdul Hamid bin Mohamed Daud.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra, Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, Pegawai2 Kerajaan dan ramai keluarga2 dan sahabat2 penuntut2 tersebut telah mengucapkan selamat jalan kepada mereka di-lapangan terbang tersebut.

Mereka mengucapkan selamat tinggal kepada orang ramai melalui PELITA BRUNEI dan berjanji untuk berusaha dengan segala daya upaya bagi menchapai kejayaan dalam segala lapangan pelajaran.

Inche Mohammed Zain bin Haji Matseruddin berumur 23 tahun. Ia di-lahirkan di-Kampung Lorong Sikuna, Brunei dan telah belajar di-Sekolah Melayu Pekan Brunei. Sa-telah lulus Darjah Lima, Inche Zain di-hantarkan oleh Kerajaan ka-Singapura untuk belajar di-Sekolah Arab Al-Junid pada tahun 1950. Pada bulan October 1956 Inche Zain telah di-pilih melanjutkan pelajaran ka-College Islam Malaya di-Klang, Selangor. Ia telah lulus peperiksaan yang tinggi sekali di-College Islam pada bulan March tahun ini. Sa-telah kembali ka-Brunei ia telah mengajar agama di-Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Inche Mahalee bin Haji Abdullah berumur 21 tahun. Ia di-lahirkan di-Bukit Salat, Bandar Brunei dan mulai belajar di-Sekolah Melayu Kilanas dimana ia lulus peperiksaan Darjah Lima. Ia telah di-hantarkan oleh Kerajaan untuk belajar di-Sekolah Arab Al-Junid di-Singapura pada tahun 1952 dan pada bulan October tahun 1956 ia di-pilih belajar di-College Islam Malaya di-Klang. Inche Mahalee balek ka-Brunei sa-telah tamat pengajian-nya di-College Islam pada bulan March tahun ini. Kemudian ia telah berkhidmat di-Pejabat Ugama, Brunei.

Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah berumur 21 tahun. Ia di-lahirkan di-Kampung Burong Pingai, Brunei dan telah belajar di-Sekolah Melayu Pekan Brunei, Sekolah Inggeris Kerajaan, Sekolah Arab Al-Junid, Singapura, dan College Islam Malaya di-Klang. Inche Abdul Rahman telah balek ka-Brunei sa-telah tamat belajar di-College


Islam Malaya pada tahun ini dan sa-hingga ia berangkat ka-Mesir ia mengajar agama di-Sekolah Melayu Berakas.

Inche Abdul Hamid bin Mohamed Daud saorang lagi penuntut dari Brunei yang telah berangkat ka-Mesir untuk melanjutkan pelajaran-nya telah di-lahirkan di-Kampung Panchor Papan, Tutong, 23 tahun dahulu. Ia mulai belajar di-Sekolah Melayu Bukit Bendera Tutong. Kemudian ia

belajar di-Sekolah Arab Al-Junid Singapura atas perbelanjaan Kerajaan seperti 3 orang lagi rakan2-nya tersebut. Sa-telah lulus peperiksaan di-Sekolah Arab itu, Inche Abdul Hamid di-pilih melanjutkan pelajaran di-College Islam Malaya di-Klang. Ia telah beroleh kejayaan dalam peperiksaan darjah tinggi sa-kali di-College Islam pada bulan March tahun ini. Sa-telah balek ka-Brunei ia mengajar agama di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

BERITA AKHIR

Penuntut2 tersebut telah selamat tiba di-kaherah dari Brunei.



Penuntut2 dari Brunei yang telah berangkat ka-Kaherah untuk melanjutkan pelajaran di-Azhar University.

Dari kiri — Inche Mahalee bin Haji Abdullah, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Inche Abdul Hamid bin Mohamed Daud dan Inche Mohammed Zain bin Haji Matserudin.

BAKAL JURU IRING SULTAN BRUNEI



Pengiran Muda Haji Ismail

Pengiran Muda Haji Ismail anakanda yang kedua kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim dan juga anak saudara kepada Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang dari Brunei pada petang hari Rabu yang lalu.

Dari sana Pengiran Haji Ismail telah berangkat ka-Port Dickson, Negeri Sembilan untuk berlateh sa-lama beberapa bulan di-Pusat Latehan Askar Melayu Diraja.

Satelah balek ka-Brunei, Pengiran Haji Ismail akan memegang jawatan sa-bagai Juru Iring Tambahan kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Pengiran Haji Ismail berumur 22 tahun dan telah di-lahirkan di-Negeri Brunei. Ia telah belajar di-Sekolah Melayu Pekan Brunei dan kemudian telah melanjutkan pelajaran-nya di-Sekolah Inggeris Roman Catholik di-sini. Sa-belum berangkat ka-Malaya, ia telah berkhidmat di-Pejabat Telikom, Brunei.

29 ORANG PENUNTUT2 DAN SA-ORANG GURU S. O. A. S. COLLEGE Masok peperiksaan darjah 9

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 29 orang penuntut2 antaranya 24 orang penuntut laki2 dan 5 orang penuntut2 perempuan dari Sultan Omar Ali Saifuddin College akan memasoki peperiksaan Senior Cambridge atau Darjah Sembilan pada tahun ini.

Peperiksaan tersebut akan di-adakan di-Dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College sa-lama dua minggu mulai dari 23 November ini.

Ini-lah tahun yang ketiga penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College masok peperiksaan Darjah Sembilan.

Penuntut2 maktab itu yang akan masok peperiksaan Darjah Sembilan pada tahun ini ada-lah lebih banyak lagi dari tahun 1958 dan 1957.

Pada tahun 1958, 17 orang mengandongi 14 orang laki2 dan 3 orang perempuan dari maktab tersebut telah masok peperiksaan Darjah Sembilan. Da-

ripada-nya 8 orang telah lulus dalam peperiksaan itu.

Pada tahun 1957 pula, sa-ramai 7 orang mengandongi 6 orang laki dan sa-orang perempuan telah masok peperiksaan tersebut, manakala dari angka itu 6 orang telah lulus dalam peperiksaan.

Sa-lain dari itu, sa-orang guru pelateh di-Sultan Omar Ali Saifuddin College akan juga masok peperiksaan Darjah Sembilan pada tahun ini.

Guru itu ia-lah Inche Moham-

med Hussin bin Mohamed. Ia di-lahirkan di-Negeri Brunei dan mendapat pelajaran di-Malay College, Kuala Kangsar, Perak. Inche Hussain telah lulus dalam peperiksaan Darjah Sembilan pada tahun yang lalu. Pada tahun ini ia akan memasoki peperiksaan hanya dua perkara sahaja.

Samentera itu, Pengetua Sultan Omar Ali Saifuddin College, Tuan L.A. Bradshaw menyatakan bahawa penuntut2 yang akan lulus dalam peperiksaan Darjah Sembilan pada tahun ini akan bernasib baik, kerana mereka juga akan di-beri Sijil General Certificate of Education.

PUAN FAFROTS

BANDAR BRUNEI. — Puan D. M. Fafrots telah di-lantek menjadi Nursing Sister dalam Pejabat Perubatan, Brunei, mulai dari 21 October, 1959.

ISTIADAT PEMBUKAAN RESMI MAJLIS MESHUARAT NEGERI Oleh D. Y. M. M. Sultan di-Lapau di-Raja


**D.Y.M.M. SULTAN
DI-LAPAU**



Baginda telah berjanji akan bertitah di-Majlis Mashuarat itu hanya pada waktu yang tertentu sahaja.

Meskipun Duli Yang Maha Mulia tiada hadir pada masa di-jalankan persidangan Majlis Mashuarat, akan tetapi kehadiran Baginda akan terasa di-Dewan persidangan kerana sa-buah lukisan wajah Baginda ada tersangkut di-atas pintu besar dalam Dewan tersebut.

Lukisan itu di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Brunei Shell dan di-lukiskan oleh sa-orang pelukis yang terkenal dari London, Puan Irene Heath.




rentahan dan ketenteraman serta kemakmoran Negeri ini.

Pembukaan Majlis Mashuarat Negeri Brunei ini telah di-sambut dengan baik oleh Pesuruh Jaya Tinggi, Yang Terutama Tuan D.C. White.

Istiadat pembukaan ini termasuklah penyerahan rasmi Surat2 Kuasa Lantekan oleh Duli Yang Maha Mulia kepada Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri.

Bagi menunjukkan yang Majlis Mashuarat itu mempunyai tanggung jawab yang suci terhadap Negeri dan raayat, maka tiap-tiap Ahli Mashuarat itu telah mengangkat sumpah di-waktu menerima jawatan masing2.

Sungguh pun Baginda bukan menjadi Ahli Majlis Mashuarat itu, tetapi Baginda berhak mengikut perlembagaan, bertitah kepada majlis itu pada sa-barang masa atas sa-barang perkara.



BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah membuka dengan resmi-nya Majlis Meshuarat Negeri mengikut Perlembagaan Baharu Negeri Brunei pada 21 October yang lalu.

Istiadat yang bersejarah itu telah di-langsungkan di-Lapau Diraja, Bandar Brunei. Sa-lain daripada 30 daripada 31 orang ahli2 majlis mashuarat tersebut, beberapa orang yang di-jemput khas telah juga hadir di-majlis itu.

Mengikut tawarikh Negeri Brunei, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Omar Ali Saifuddin adalah Yang Dipertuan Negeri ini yang pertama sa-kali bertitah dari singgahsana mengikut perlembagaan.

Duli Yang Maha Mulia menyatakan dalam titah Baginda bahawa menurut satu syarat yang terkandung dalam perlembagaan tersebut, pilihan raya akan diadakan untuk memberi peluang kepada wakil2 raayat menduduki majlis mashuarat.

Majlis mashuarat itu akan memberi nasihat dan meluluskan berbagai2 undang2 dan peraturan2 yang Kerajaan akan usulkan untuk ketenteraman dan kebaikan Kerajaan Negeri ini.

Sa-belum pilihan raya tersebut dijalankan, Duli Yang Maha Mulia telah mendesak raayat supaya berfikir dan bergerak sa-chara sehat dalam politik dan mempunyai perasaan tanggung jawab kepada masyarakat supaya akan menambahkan kekuatan peme-

Kanan atas sa-kali D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan. Lain2-nya ialah pemandangan2 di-istiadat pembukaan resmi Majlis Meshuarat Negeri di-Lapau Diraja, Bandar Brunei, pada 21 October yang lalu.



CHERITA PENDEK:

AYER MATA DI-LANDA LARA

(Sambongan)

Pada keluaran yang lalu *Pelita Brunei* telah menyiarkan cerita pendek yang di-karangkan oleh Inche Moxsin bin Abdul Kadir, penuntut tahun ketiga di-Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Cherita pendek ini bertajokkan, "Ayer Mata Di-Landa Lara" telah mendapat hadiah yang pertama dalam peraduan karangan pada masa di-lang-

— oleh Moxsin bin Abdul Kadir —

songkan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei pada bulan September tahun ini. Sambongan-nya ada-lah seperti berikut :

Ia diam lama2 buat meriah2kan cherita hati-nya yang ta' bisa di-lahir-nya, tetapi ingatan-nya tertirup2 pada pengalaman-nya yang telah lalu, hanya

jadi sandiwara ngeri di-dalam kepala-nya dan dada hidup-nya.

"Ah . . ." Keloh-nya melunchor sayu. "Kalau ada maseh sawah dan kalau tidak kerana gelombang perang ta' kan saya jadi bagini, saudara?" Ia mengakhirkannya dengan rupa yang kesal.

"Saudara berasa kesal, bukan?"

"Tentu . . ." Jawab-nya pendek dan kemudian berkata. "Tapi aku shukor, biar jadi pengemis minta sungukkan sa-saup nasi pada siapa saja ikhlas baik dari tuan2 besar di-pejabat2 yang minta ulurkan wang dari tangan manusia yang hidup krepeng itu; Macham kita ini bisa minta pada tangan yang berseh lunak dan siapa saja yang ikhlas dan berhati suchi, alangkah lebih dari mereka?" Kata-nya berbangga sendiri, tapi dalam pada itu bukan kata hati-nya yang sa-benar-nya hanya keluar dari mulut-nya sendiri-nya. "Aku sa-bagai prajurit, sekali pun ta' di-kenang oleh sa-siapa dan masha-

rakat tetapi aku pernah berjasa pada tanah ayer-ku yang kala itu menjerit2 di-injak oleh bangsa keparat itu".

Suara-nya di-tekan-nya agak geram di-hati-nya bila menyebutkan nama Jepun. Ia benchi nama itu dan bukan ia saja yang membenchi-nya malah masyarakat2 mereka.

Entah hingga berapa lamakah masyarakat menyeranah bangsa itu, Hardi ta' tau. Suara mereka mati senyap di-telan kelubong beningan alam seperti juga hidup mereka telah sunyi tersisih dari pergaulan manusia lain-nya. Kemudian terdengar suara berkata. "Bagitu-lah nasib manusia kawan!"

Bichara-nya diam di-situ saja, pada mata-nya nampak tersurok ka-dalam macham para serdadu terjungul2 di-balek batang atau batu untuk berlingdong; dengan pelan nampak berbonang2 ayer mata-nya menitik, ia menyesali akan nasib diri-nya. Pandangan-nya di-tibarkan-nya ka-langit lepas dan ka-lampu yang berbakti pada malam dan pada mereka juga.

(Bersambong)

TITAH SULTAN KAPADA PENDUDOK2 DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Adalah di-beritahu kapada orang ramai bahawa dengan ada-nya perubahan perlembagaan, beberapa jawatan yang dahulu-nya di-pegang oleh British Resident atau Penolong Resident, maka sekarang jawatan2 itu telah diserahkan kapada beberapa pehak yang berkuasa dan pegawai2 di-dalam negeri ini.

Bila mana ada kerajaan menetapkan satu pehak yang berkuasa untuk menguruskan satu2 perkara yang tertentu yang mengenai terus kapada orang ramai, maka maalamat yang seperti-nya akan di-siarkan.

Di-masa2 yang lepas, ada-lah menjadi satu kelaziman bagi orang ramai pergi berjumpa terus dengan British Resident. Tetapi sekarang ada-lah tidak mustahak lagi bagi orang ramai pergi berjumpa terus dengan Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan atas perkara2 yang boleh di-uruskan oleh lain2 pegawai.

Atas perkara ini Duli Yang Maha Mulia Sultan telah bertitah bahawa orang ramai ada-lah di-ingatkan ia-itu Ketua2 dan

Penghulu2 itu telah di-pilih oleh ra'ayat sendiri dengan persetujuan khas dari baginda. Jadi-nya atau pun lain2 permintaan karorang ramai yang ada aduan beh dahulu berunding dengan Ketua2 atau Penghulu2 sa-belum pergi berjumpa dengan sa-orang pegawai kerajaan dari salah satu pejabat kerajaan.

Maka ada-lah tanggong jawab Ketua2 dan Penghulu2 untuk membawa aduan atau sungutan atau pon lain2 permintaan kapada pehak yang berkuasa yang tertentu.

AHLI2 MAJLIS MESHUARAT NEGERI YANG BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei saramai 31 orang yang telah di-lantek dengan resmi-nya dalam satu istiadat yang bersejarah di-Lapau Diraja pada 21 October yang lalu ada-lah seperti berikut :

Ahli2 Resmi Kerana Jawatan sa-ramai 7 orang — Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, D.K. S.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E.; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.P.M.B., P.O.A.S.; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha Dato Paduka Haji Mohamed Alam ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.K., D.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E.; Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Wan Ahmad bin Wan Omar; Yang Berhormat Peguam Negara, Inche Ali bin Hassan; Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Tuan M.D.B. Graham dan Yang Berhormat Penasehat Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohamed D.P.M.B., P.O.A.S.

Ahli2 Resmi sa-ramai 5 orang — Yang Berhormat Pegawai Pertanian Negeri, Inche Hamidon bin Awang Damit, P.O.A.S., Yang Berhormat Pesuruh Jaya Buroh Tuan D.B. Petherick; Yang Berhormat Pegawai Daerah

Belait, Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, P. O. A. S., M.B.E. B.A.S.; dan Yang Berhormat Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Ahmad bin Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin, B.A.S.

Ahli2 Yang Di-Lantek sa-ramai 19 orang — Yang Berhormat Dato Paduka Tuan R.E. Hales D.P.M.B., C.B.E., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed 1 ha, P.O.A.S.; Yang Berhormat Tuan George Newn Ah Fott; Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, S.M.B.; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud P.O.A.S., M.B.E., B.A.S.; Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemanha Mohamed Salleh P.O.A.S., B.A.S.; Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun, S.M.B.; Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, S.M.B.; Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Haji Awang Mohamed Noor, P.O.A.S.; Yang Berhormat Pengiran Besar bin Pengiran Sabtu, Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim; Yang

Berhormat Inche Jamil bin Awang Umar; Yang Berhormat Pengiran Jadid bin Pengiran Nasarudin; Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir; Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamed; Yang Berhormat Inche Shahbudin bin Salleh; Yang Berhormat Haji Awang Tengah bin Awang Daud; Yang Berhormat Haji Ghazali bin Omar dan Yang Berhormat Inche Mohamed Idris bin Imam Said.

Antara 19 orang tersebut, Yang Berhormat Dato Paduka Hales, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana dan Yang Berhormat Tuan Ah Fott telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia kerana mewakili puak2 yang kechil dalam Negeri Brunei.

Lisen2 baru

BANDAR BRUNEI. — Tuan2 punya kedai dan orang ramai yang mempunyai lisen yang di-keluarkan oleh Pejabat Bandaran, seperti lisen kedai kopi, kedai makan, kedai tukang gunting, membuat roti dan sa-bagai-nya di-kehendakki supaya menghantar surat2 permohonan mereka dengan sabarapa segera kapada Setia Usaha Bandaran, Brunei untuk membaharui lisen mereka bagi tahun 1960.

Permohonan yang di-terima lewat dari 16 November tidak-lah akan di-layankan oleh pehak yang berkuasa.

NOMBOR2 TALIPON YANG BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Nombor2 talipon Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan lain2-nya pada masa sekarang ada-lah seperti di-bawah ini:

Yang Amat Berhormat Menteri Besar — Pejabat 311 dan rumah 201. Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan — Pejabat 317 dan rumah 217. Setia Usaha Sulit — Pejabat 219. Jurutulis Majlis2 Meshuarat — Pejabat 313 dan rumah 213.

Penolong Setia Usaha Kerajaan 'A' (Tuan W.I. Glass) — Pejabat 312 dan rumah 212. Penolong Setia Usaha Kerajaan 'B' (Inche Mohamed Taib) — Pejabat 313 dan rumah 213. Penolong Setia Usaha Kerajaan 'C' (Tuan Patrick McAfee) — Pejabat 313 (sementara) dan Pejabat Secretariat 314.

UCHAPAN MENTERI BESAR DI-LAPAU

Di-pembukaan majlis meshuarat Negeri

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar ketika memberi ucapan di-Pembukaan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada 21 October yang lalu berkata bahawa bagi pehak Ahli2 Majlis itu, beliau mempersembahkan kabawah Duli Yang Maha Mulia yang telah menchemarkan diri menghadhiri pembukaan Majlis Meshuarat Negeri pada hari tersebut.

Ahli2 Mjlis Meshuarat Negeri itu, kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar, juga mempersembahkan perasaan terhutang budi kepada Duli Yang Maha Mulia yang telah melantek sakalian-nya itu menjadi Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Lantekan itu ada-lah satu kehormatan dan kemuliaan yang Duli Yang Maha Mulia telah anugerahkan ka-atas batang tu-boh masing2 dan mengaku di-majlis itu bahawa Ahli2 Majlis Meshuarat tersebut sabenar2-nya sadar di-atas keberatan tanggung jawab semua-nya dan juga beliau2 itu mempersembahkan akuan untuk menjalankan segala kewajipan dengan seberapa daya upaya dan kebolehan.

Sa-lanjut-nya Yang Amat Berhormat Menteri Besar tegas-kan bahawa perkumpulan pada pagi hari tersebut itu ia-lah sabagaimana titah Duli Yang Maha Mulia ia-itu satu perkumpulan yang bersejarah. Dan ada-nya perkumpulan itu ia-lah sebab Duli Yang Maha Mulia dengan perasaan murah hati telah anugerahkan kepada ra'ayat Negeri ini satu Perlembagaan yang tertulis yang di-dalam-nya Duli Yang Maha Mulia telah mengaku memerintah Negeri ini menurut Perlembagaan.

Dengan limpah kemurahan hati Duli Yang Maha Mulia maka nyata-lah kebijaksanaan dan kepandaian Duli Yang Maha Mulia di-dalam pentadbiran negeri.

Persetujuan Duli Yang Maha Mulia menukar taraf Baginda daripada sa-orang raja yang berdaulat kuasa kebebasan yang penuh kepada sa-orang raja yang akan memerintah menurut Perlembagaan, perubahan yang telah di-adakan dengan tidak ada-nya desakan daripada ra'ayat, ia-lah menunjukkan bagaimana Duli Yang Maha Mulia dengan bijaksana-nya telah mengerti dan faham perasaan dan fikiran2 di-zaman sekarang ini.

Seterus-nya Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkata:

"Perjanjian yang Duli Tuanku telah perbuat dengan Baginda Queen dan Perlembagaan yang Duli Tuanku telah anugerahkan itu, telah memberi kepada negeri ini taraf berkerajaan sendiri yang luas. Maka ini bermakna-lah bahwa di-dalam pentadbiran dalam negeri maka tanggung-jawab yang terutama Kerajaan Negeri ini akan terletak di-atas Duli Tuanku dan segala pegawai2 yang Duli Tuanku telah lantek untuk menunaikan tanggung-jawab2 ini. Patek bagi pehak Ahli2 Resmi Kerana Jawatan, dan Ahli2 Resmi yang lain dan juga semua ahli2

jawatan awam negeri ini mempersembahkan akuan patek sekalian kebawah Duli Tuanku yang patek sekalian akan menunaikan segala tanggung jawab itu dengan sabenar2-nya dan dengan segala ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Tuanku, dan juga patek sekalian mengaku akan mentadbirkan Kerajaan Duli Tuanku, dan juga patek sekalian mengaku akan mentadbirkan Kerajaan Duli Tuanku dengan keadilan, kepandaian dan ketugasan yang di-kehandaki itu.

Patek yakin bahwa segala ahli2 yang bukan rasmi yang Duli Tuanku telah lantek menjadi ahli2 di-dalam Majlis ini akan mengeluarkan buah fikiran mereka manakala di-kehandaki dan patek yakin juga bahwa manakala mereka itu mengeluarkan fikiran2 itu bagi pehak faedah2 dan ra'ayat2 yang mereka itu mewakili, mereka akan mengeluarkan fikiran itu dengan segala ketugasan dan keberanian dan juga dengan amalan bahwa apa yang mereka terbitkan dalam Majlis ini akan menjadi faedah kepada kemajuan dan kebajikan negeri dan ra'ayat Brunei.

Bagi pehak ahli2 Majlis ini maka patek juga sika menyampaikan ucapan terima kasih dan terhutang budi kepada Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi di-atas segala perkaatan2-nya yang baik itu dan juga di-atas ucapan selamat di-atas kejayaan Majlis ini.

Banyak-lah di-antara patek di-sini yang telah juga menjadi Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri yang dahulu itu akan mengingatkan Tuan White sebagai seorang sahabat dan penasihat. Pada masa itu Tuan White senantiasa menunjukkan belas kasehan dan pengertian-nya di-atas segala kehandak dan chita2 negeri ini dan ra'ayat2-nya dan kebanyakan daripada kejayaan rundingan Perlemb-

SELAMAT TINGGAL BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Tuan Yang Terutama Sir Anthony Abell, Gabnor Sarawak dan bekas Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Brunei telah mengucapkan Selamat Tinggal kepada semua orang yang tinggal di-Brunei sebelum beliau balek ka-Sarawak dengan kapal "Zahora" pada petang 25 October yang lalu.

Sir Anthony Abell akan bersara tidak berapa lama lagi.

Antara ramai orang yang telah mengucapkan Selamat Belayar dan Selamat Bersara kepada Sir Anthony Abell di-Tambatan Custom pada petang hari tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara,



Menteri Besar Negeri Brunei, Yang Amat Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohammed Jahfar sedang memberi ucapan di-pembukaan resmi Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-Lapau Diraja baharu2 ini.

saling mengerti Tuan White itu. Sungguh pun Perlembagaan ini tidak memberi tempat kepada Pesuruh Jaya Tinggi menjadi Ahli Majlis Meshuarat Negeri ini, tetapi Kerajaan akan juga mendapat nasihat2-nya yang baik di-dalam Majlis Meshuarat Kerajaan.

Sabagaimana Duli Tuanku telah bertitah di-dalam ucapan Duli Tuanku pada Hari Perlembagaan ini maka tali persahabatan di-antara Kerajaan Duli Tuanku dan Kerajaan Baginda Queen akan menjadi lebih tegoh dengan ada-nya perjanjian yang di-tanda tangani itu. Patek sekalian pohon menyembah akuan patek sekalian kebawah Duli Tuanku dan kepada Tuan Yang Terutama bahwa di-dalam segala perbincangan dalam Majlis Meshuarat itu patek sekalian akan senantiasa mengingatkan persahabatan dan perasaan saling mengerti yang ada di-antara Negeri Brunei dan Negeri United Kingdom. Patek juga akan senantiasa mengingatkan akuan yang telah di-beri oleh Kerajaan United Kingdom hendak

mengadakan seberapa pertolongan yang boleh untuk kemajuan dan kebajikan negeri dan ra'ayat Brunei.

Ampun Tuanku, patek sekalian sekali lagi mempersembahkan kabawah Duli Tuanku ucapan terima kasih di-atas kehormatan yang Duli Tuanku telah anugerahkan kepada patek sekalian melantek patek sekalian menjadi Ahli2 Majlis Meshuarat ini. Patek sekalian mengambil peluang ini mempersembahkan kabawah Duli Tuanku sumpah patek sekalian berta'at setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Tuanku sendiri dan kepada Kerajaan Negeri Brunei, dan patek sekalian akan menunaikan segala tanggung jawab mengikut semangat dan perkataan Perlembagaan Negeri Brunei kerana keamanan, kestosaan dan kebaikan Negeri Brunei.

Patek sekalian berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga menchurahkan rahmat-nya dan memberi kepada patek sekalian segala tenaga kekuatan untuk menunaikan segala kewajipan2 patek sekalian. Terima kasih".

AHLI-AHLI MAJLIS MESHUARAT KERAJAAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Majlis Mashuarat Kerajaan Brunei yang telah di-lantek baharu2 ini menurut Perlembagaan Baharu Negeri Brunei ada-lah saperti berikut :

Duli Yang Maha Mulia Maulana

Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin sebagai Pengurus, Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Brunei Yang Terutama Tuan D.C. White.

Ahli2 Resmi Kerana Jawatan — Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim ibni Pengiran Anak Abdul Rahman; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Haji Mohamed Alam ibni Pengiran Anak Abdul Rahman; Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Wan Omar; Kadhi Besar dan Penasehat Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Shabbandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohamed; Peguam Negara, Yang Berhormat Inche Ali bin Hassan dan Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Tuan M.D.B. Graham.

Ahli2 Yang Tidak Resmi — Yang Berhormat Dato Paduka R.E. Hales; Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shabbandar Haji Ahmad bin Daud; Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Duli Pengiran Pemancha Mohamed Salleh; Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun; Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dan Yang Berhormat Inche Jamil bin Awang Umar.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Brunei, Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri dan ramai pegawai2 Kerajaan.

Sa-belum menaiki kapal tersebut, Sir Anthony telah memereksai Barisan Kehormatan Police Brunei. Kemudian beliau telah berjabat tangan dengan Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara, Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha, Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, Pegawai2 Kanan Kerajaan dan lain2-nya.

HALAMAN WANITA:

CHITA2 KU YANG SUCHI

(Gubahan Mala Mas)

Umor-ku telah berlalu suku abad, aku masih tetap membujang, kawan dan rakan kenalan-ku menganggap aku mempunyai penyakit maka aku tidak ingin berumah tangga. Sa-benar-nya aku mempunyai segala sifat2 kemahuan yang ada pada pemuda2 yang sehat.

Aku juga ingin berumah tangga, aku juga ingin segala2 yang ada pada kau dan dia.... Tetapi di-kala ini, diwaktu yang telah lalu itu belum masa-nya.... hanya itu-lah jawapan biasa yang dapat ku berikan kepada siapa juga ingin mengetahui akan hal-ku.....

Kapada ibu-ku pernah ku khabarkan yang aku juga ingin dan mahu mengikut segala2 kemahuan-nya, yang ingin melihat aku berganding bahu dengan isteriku atau lebeh tegas ingin melihat menantu-nya.... ibu-ku tidak lah seperti ibu2 yang lain choba memaksa mengikut pilihan hati-nya.... Tapi ibu-ku ada-lah patoh dengan pilihan-ku.... ku bersukor ka-Hadzrat Ilahi kerana mengdzahirkan aku dengan ibu-ku yang penoh bertimbang rasa dan kaseh sayang cinta terhadap-ku....

Terang sekarang, yang aku telah memilih sendiri untuk kongsi hidup-ku.... Dia gadis biasa, tidak ada keistimewaan pada dia.... pernah ku ditanya mengapa-kah aku memilih dan menchin-tai dia??? Pada hal kalau si-anu atau si-anu itu bukan-kah lagi baik???

Yusuf rakan ikrab-ku pernah memberi nasehat kepada-ku, dan pernah juga ia-nya menulis disabua majallah berkenaan dengan pilihan sendiri.... di-antara lain satu potongan ayat yang tidak ku-lupakan.... "Biasa-nya pemuda memilih jodoh-nya adalah memandang kejelitaan sigadis.... tetapi orang tua lebeh mengutamakan budi perkerti....

Sa-orang lain rakan-ku pernah menulis berterus terang kepada-ku.... "Pilihan saudara itu saya perchaya penoh berdasarkan hawa nafsu yang biasa-nya di-pimpin dan di-pelihara oleh iblis.... walau pun kedua2 rakan ikrab-ku pernah menegorkan ahibah yang akan ku tanggung hasil pilihan-ku itu nanti, namun aku tetap dengan pendirian-ku.... Segala2 tegoran dan nasehat itu ku jawab dengan pendek dan tegas.... "Bahawa yang ku-chintai ia-lah kesuchian jiwa-nya bukan kejeli-taan-nya....

Ramlan rakan-ikrab-ku yang ta' pernah bercheggang dengan-ku pernah di-gelar orang laksana belangkas itu tahu benar akan perhubungan-ku dengan dia.... aku tidak-lah berhubung seperti perhubungan social yang pernah ku saksikan di-layar2 puteh dan di-medan masharakat untuk tuntutan public.... aku dan dia saling berjanji menjaga maruah dan adat batasan pergaulan sa-chara timor.... chuma yang aku buat tali perhubungan hari ini ia-lah mahu hidup menchari per-sesuaian di-alam rumah tangga

nanti....

Dia dan aku chukop sedar, masharakat ada-lah memandang ku-rang manis dengan perhubungan bagini, dia pernah membisek kapada-ku agar dia akan aku memutuskan sahaja perhubungan dzahir buat sementara. Satu potongan ayat-nya yang ta' pernah ku lupakan "Musharakat maseh samar2 lagi dengan perhubungan kita, walau pun batin-nya telah kita susun dengan kemas rapi, menghilangkan kesamaran masharakat elok rasa-nya kita bereng-gang dahulu.... dinda tidak akan choba mahu mungkirkan janji. Apa yang dinda kata akan dinda kota perchaya-lah kanda.... Ya, sekarang aku telah berenggang, jarang sakali ku temu dengan-nya, berutus juga tidak ku amalkan hanya aku merendam rasa, dalam kenangan menjelma dia, tiap ketika.... kadang2 ku soal diri-ku, apa-kah aku gila? Tidak, tidak aku chepat menenggis mustahil aku dan dia tidak ingin itu....

Kenchatan senjata pernah ku dengar, berhenti tembak menembak pernah berlaku, tetapi berhenti chinta, berhentikan perhubongnan kaseh buat sementara bagini ku-perchaya belum pernah berlaku.... aku harap aku-lah yang mula menchipta ini, supaya rombongan perdamaian dapat memutuskan dalam masharakat meja bondor. Bilakah masa aku mesti menaikki tahta kerajaan yang sakan lama aku berjuang untok-nya? Ya.... Saperti kau, dia dan dia juga ingin merdeka.

Sa-belum tarikh kenchatan senjata di-persetujui pernah ku menghantar permintaan sa-chara tegas agar tarikh kemerdekaan-ku di-persetujui.... Dia tidak mahu memberi tarikh-nya.... hanya dia berkata tunggu-lah dan nanti-lah belum masa-nya.... Ta' akan lari gunung di-kejar....

Mungkin-kah aku tetap patoh menunggu? Berontak-kah aku? Ah, tidak mungkin aku berontak kerana d a s a r mula-ku berjuang sa-chara perlembagaana-kan tidak mesti memecahkan amanah-ku sendiri.... Tetapi.... sa-lama mana-kah umat Muham-mad akan sabar.... sa-lama manakah ra'ayat akan tahan tertindas.... dan sa-lama mana pula aku mesti bersabar dan menunggu buah yang liat tangkai-nya untok gugur???

(Bersambung)

TAK BERMAANA WANITA BERJERIT2 MAJU KALAU...

(oleh Halimah Hussin)

Peluang untok kemajuan sedia terbuka untok sesiapa yang ingin maju. Tetapi, selalu peluang itu di-lalui sahaja. Apa sebab-nya? Kurang faham, salah faham dan takut menchuba! Sayang!

Ibarat kita -menanam pokok, hendak-lah subur hidup-nya hingga berbunga dan berbuah. Ada hasil-nya baru ada-lah boki-nya. Demikian juga jika kita mengan-jor-kan satu2 badan, biar-lah subur dan ma'mor. Tetapi kita mesti bersedia menerima serangan chachat, chachi dan tuduhan sekali pon. Asal-kan kita bertujuan suchi murni, insha'allah selamat-lah kita maju ke-hadapan. Tetapi, kita mesti tetap-kan iman supaya kita tidak lekas lemah mendengar kata2 yang tidak waras dan faedah. Sebalek-nya terimalah kata2 yang tidak bijak itu sebagai baja supaya tumbuhan kita itu hidup subur. JANGAN TAKUT DI TEGOR MASHARAKAT!

Jika kita tidak berani mencha-pai peluang yang sedia menunggu untok kita, ta'ada ma'na kita kaum wanita terjeret2 hendak maju?.... maju, tetapi mundur! Bila lagi akan kita memulakan-nya? Benar, tiap2 kita kan mengan-jor-kan satu2 pertubuhan

atau pergerakan, hendak-lah kita bersedia mempunyai pengalaman yang luas untok menjalan-kan tugas2 yang terserah kepada kita. KALAU ADA KEMAHUAN, ADA JALAN — BERTANYA DAN BELAJAR!

Jangan-lah perkataan 'maju' itu tinggal perkataan sahaja. Tidak-kah kita rasa segan sendiri kerana jeretan kita itu hanya tin kosong sahaja? Tidak-kah kita sayangkan Tanah Air dan bangsa kita? Tidak-kah kita ingin berdiri sama tinggi dan dudok sama rendah dengan bangsa lain? Lemah sangat-kah semangat kita?

Laksemana Hang Tuah pernah berkata 'Melayu ta'kan hilang di-dunia!' Benar! Tetapi kehidupan itu lemah dan mundur sebagai bekas sahaja atas bumi ini! Kepada seluruh kaum wanita — awas! Maju itu bukan kata asal-kan kita bergerak kehadapan. Jalan kemajuan banyak sempang-nya. Ambil-lah langkah kanan dengan 'Bismillah'!

INTAN BERLIAN
PERHIASAN MATA
BUDI BAHASA
PERHIASAN
WANITA

(M. SAMSINAH)

Orang china berjual madat, Dari Jawa sampai ka-Deli; Hidup di-dunia kita beradab, Adab tidak berjual beli.

Demikian lah satu pantun yang pernah kita dengar yang keluar dari mulut orang tua kita untok peninggalan-nya kapada kita, dia-lah juga satu satu-nya pusaka ta' usang yang ta' lapok oleh zaman.

Yang mana patut-lah kita mengambil ibarat daripada pantun yang pendek tetapi padat dengan isi isi yang membayang kan bagaimana harga adab dan sofian santun itu terutama di-kalangan kita kaum wanita.

Para pembacha kaum wanita! Segala mata benda yang ada di-dunia ini dapat kita beli dengan wang ringgit walau pun benda itu dengan harga berjuta ringgit, akan tetapi adab serta budi bahasa yang halus manis tidak akan dapat di-beli walau pun dengan wang emas yang berjuta sakali pun, Nah! Dari sini dapat-lah kita membanding kan bagaimana besar dan mahal-nya budi bahasa itu kapada kita, Ah! alang kah rugi-nya kita betapa pula malunya rasa kita dan betapa kah miskin-nya hidup kita jika tidak mempunyai budi bahasa yang sempurna.

Sa-orang wanita yang mempunyai budi bahasa yang halus manis adab tertib yang sempurna ia akan sentiasa bermanis muka bertutor kata dengan lemah lembut serta ramah tamah walau pun ia dalam sebak atau sengsara, dan juga ia tidak akan mengeluarkan segala kata kata yang kasar walau kapada siapa jua pun serta tidak ia akan mengubah kan ayer muka sa-saorang mahlok walau pun orang itu seterua-nya.

Alang kah beruntung-nya sa satu bangsa jika mempunyai wanita seperti yang saya kata kan di atas ia itu sempurna adab tertibnya halus manis tutor kata-nya dan lemah lembut tingkah laku-nya serta tahu pula hormat menghormati sa-sama mahlok Tohan di-maya pada ini.

Andai kata jika sa-suatu bangsa tidak mempunyai wanita yang sempurna budi bahasa-nya bermahana lah bangsa itu tidak semporna kaadaan-nya dan tidak tegap perdirian-nya, kerana jika maju mundur-nya sa-suatu bangsa itu tergantung di-dalam genggaman kaum wanita yang beradab, bukan kah pernah kita dengar sa-rangkap ayat sakti yang digubah oleh bijak pandai ia itu "Tangan yang mengayun buaian itu-lah yang akan mengonchang-kan dunia".

PESUROH JAYA TINGGI UCHAPKAN TAHNIAH

Kapada ahli2 majlis meshuarat

BANDAR BRUNEI. — Pesuroh Jaya Tinggi British, Yang Terutama Tuan D.C. White menyatakan pada masa istiadat pembukaan Majlis Meshuarat Negeri Brunei oleh Duli Yang Maha Mulia di-Lapau Diraja baharu2 ini bahawa semua orang di-majlis itu telah hadir untuk menyaksikan permulaan Majlis Meshuarat Negeri yang pertama bagi Brunei, ia-itu satu kejadian yang menandakan satu langkah kedepan lagi dalam kemajuan siasah Negeri ini.

Dalam ucapan-nya, Tuan White berkata bahawa beliau mengambil peluang di-majlis tersebut untuk memberi tahniah2-nya kepada semua orang yang telah menerima kehormatan yang di-lantek sa-bagai Ahli2 Majlis Meshuarat dan mengucapkan selamat bekerja kepada semua-nya.

"Tanggung jawab tuan2 adalah berat", kata Tuan White "kerana tuan2 tidak akan berchakap untuk diri tuan2, tetapi akan berchakap bagi pehak ra'ayat Tuanku dan sekalian orang2 lain yang tinggal di-Brunei di-bawah Kerajaan Tuanku. Perkataan2 yang tuan katakan, pandangan2 yang tuan2 kemukakan, dan semua-nya yang berlaku dalam Majlis ini akan di-beritakan oleh Akhbar dan Radio dan di-dengari baik2 oleh orang2 yang tuan2 mewakili-nya.

"Perbincangan2 tuan2 akan dipandu dan di-putuskan oleh Menteri Besar dengan pertolongan oleh Setia Usaha Kerajaan dan Peguam Negara, di-bawah 'Pera-toran2 Tetap' dan kebanyakan daripada tuan2. Maka ini adalah menjadi satu pengalaman baharu untuk mengambil bahagian dalam perjalanan Majlis ini di-bawah Undang2 perbahathan".

Seterus-nya Tuan White me-

negaskan bahawa sa-bagai Ahli2 Majlis yang pertama, banyak perkara yang bergantung di-atas beliau2 itu kerana mereka-lah yang akan menunjukkan contoh bagi masa hadapan berkenaan dengan tulus ikhlas, kejujuran, kebijaksanaan dan keadilan masing2 dalam menjalankan kerja2 Majlis itu.

Ada-lah menjadi kewajipan Ahli2 Majlis Meshuarat tersebut untuk memberi orang awam kepercayaan di-dalam Majlis Meshuarat Negeri dan ada-lah menjadi sangat2 mustahak bagi orang awam merasa kepercayaan dan memberi sokongan-nya kepada Majlis itu.

Tuan White berkata lagi bahawa beliau percaya Ahli2 yang Berhormat itu sudah sedia faham tentang perkara itu dan akan memikul beban tanggung jawab ini dengan berani dan tinggi hemah sa-bagai yang di-kehendakki oleh jawatan masing2.

PEMANGKU PEGAWAI KEWANGAN BRUNEI

Yang Berhormat Tuan M.D.B. Graham ia-lah Pemangku Pegawai Kewangan Negeri Brunei dan bekas Bendahari Kerajaan Brunei.

Baharu2 ini Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah dengan sukachita melantek Tuan Graham menjadi Ahli Resmi Kerajaan Jawatan dalam Majlis Meshuarat Negeri dan Majlis Meshuarat Kerajaan.

Baginda juga telah dengan sukachita melantek Tuan Graham menjadi Pengurusi Jawatan Kuasa Kewangan, Pengurusi Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam dan Pengurusi Lembaga2 Tender.

Beliau ada-lah mempunyai Ijazah dari Australian Society of Accountants dan sa-orang Setia Usaha yang bertauliah.

Tuan Graham mulai berkhidmat di-Malaya pada tahun 1945 sa-lepas berkhidmat dengan Tentera Udara Diraja British.

Beliau ada-lah bekas Anggota Jabatan Kewangan di-Malaya dan berkhidmat di-bahagian Pemeriksa Kira2 Sendirian Jabatan Elektrik.

Apabila Lembaga Pusat



Y.B. Tuan M.D.B. Graham

Elektrik di-tubuhkan pada tahun 1949, beliau telah ditukarkan dari Kerajaan ka-Lembaga itu dan berkhidmat sa-bagai Chief Accountant hingga bulan July 1955. Kemudian Tuan Graham di-tukarkan ka-Sarawak dan pada bulan August tahun 1955 beliau di-tutarkan ka-Brunei dan berkhidmat di-Jabatan Kewangan hingga kamasa ini.

Jawatan kuasa kewangan

BANDAR BRUNEI. — Beliau2 yang di-bawah ini telah di-lantek sabagai Ahli2 Jawatan Kuasa Kewangan Negeri Brunei:

Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Tuan M.D.B. Graham sabagai Pengurusi; Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamad Daud, Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun dan Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohamed Salleh.

S'kan kalahkan Belait

SANDAKAN. — Pasokan bola sepak Sandakan telah mengalahkan Pasokan Belait dengan 2 gol tidak berbalas dalam satu perlawanan sa-chara persahabatan di-Sandakan pda 27 October yang lalu.

Pemain2 kedua pasokan telah bermain dengan chergas pada sepanjang masa. Sunggoh pun pemain2 dari Belait telah beberapa kali membuat tendangan yang hebat, tetapi mereka tidak berjaya memperolehi seri atau pun mengalahkan pasokan Sandakan itu.

LAWATAN PENASIHAT AMERIKAN KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Tuan Anthony Saletan, sa-orang penasihat musik Amerikan yang terkenal telah mengiborkan ramai murid2 Sekolah2 Melayu, Inggeris dan China di-Bandar Brunei dengan bermain banjo dan menyanyikan lagu2 asli dalam bahasa2 Inggeris dan Melayu di-Dewan Civic Centre, Bandar Brunei baharu2 ini.

Lawatan-nya ka-Negeri Brunei dan ka-lain2 negeri di-selenggarakan di-bawah satu hadiah yang di-beri oleh Perkhidmatan Penukaran Pelajaran antara Bangsa2, Jabatan Negara Amarika Sharikat.

Tuan Saletan telah mengadakan pertunjukan tersebut di-Dewan Civic Centre pada 28 dan 29 October. Kemudian beliau telah mengadakan pertunjukan2 di-Seria dan Kuala Belait dari 30 October hingga 1 November.

Beliau telah berangkat ka-

Jesselton, Borneo Utara pada 3 November untuk mengadakan pertunjukan di-sana pula.



—Tuan Anthony Saletan (kanan) sedang bernyanyi dan bermain banjo dalam satu pertunjukan kepada Guru2 dan Murid2 Sekolah di-Civic Centre, Bandar Brunei baharu2 ini. Di-sabelah kiri ialah satu pemandangan para pemonton di-temasha pertunjukan tersebut.

PERSIDANGAN PEMUDA SA-DUNIA DI-NEGERI JEPUN: KUASA ATOM UNTUK KEAMANAN BUKAN MEMBINASAKAN MANUSIA

BANDAR BRUNEI. — Kuasa ATOM mesti-lah di-gunakan untuk keamanan dan kesentosaan manusia sa-dunia sahaja — bukan-lah untuk membinasakan manusia. Demikian-lah satu daripada keputusan2 yang di-persetujui dalam Persidangan Pemuda Sa-Dunia di-Negeri Jepun baharu2 ini.

Berita tersebut di-terangkan kepada PELITA BRUNEI oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negeri Brunei dan juga Yang Dipertua Majlis Pemuda-Pemudi Sa-Negeri Brunei ketika beliau kembali ka-Brunei dari Negeri Jepun pada 27 October yang lalu.

Pengiran Mohamad Yusuf menerangkan bahawa persidangan tersebut telah di-adakan di-Tokyo dan di-Dewan Pemuda Kebangsaan Jepun di-Gotemba, kira2 100 batu dari Tokyo, mulai dari 12 October hingga 22 October. Dewan itu telah di-benarkan oleh Kerajaan Jepun khas untuk melateh pemuda-pemudi dalam berbagai2 jurusan.

Wakil2 dari 25 buah negeri, kechuali negeri2 komunis, telah hadir di-persidangan tersebut. Antara mereka ia-lah wakil2 dari Israel, Lebanon, Iran, France, Australia, Vietnam dan Italy.

Persidangan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Lembaga Perwakilan Pemuda Sa-Dunia dengan kerjasama dari Jawatan Kuasa Perhubungan Pemuda-Pemudi Negeri Jepun dan telah di-buka dengan resmi-nya di-Tokyo oleh Menteri Pelajaran Negeri Jepun, Yang Berhormat Tuan Takechiyo Matsuda. Uchapan2 yang berfaedah telah di-lafadzkan di-persidangan tersebut oleh Tuan Reinosuke Suga, Yang Dipertua Persidangan Perusahaan Tenaga Atom; Tuan Ravindra Varma, Yang Diper-

tua Lembaga Perwakilan Pemuda Sa-Dunia, dan oleh Tuan Katsumi Kobayashi, Pengurus, Jawatan Kuasa Perhubungan Pemuda-Pemudi Negeri Jepun.

Para perwakilan telah di-raikan di-beberapa tempat pada masa di-langsungkan persidangan pemuda tersebut. Antara-nya oleh Tuan Nakasuma, Pengarah Sharikat Science dan Teknik di-Princes Hotel, Tokyo.

Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf menerangkan lagi bahawa persidangan pemuda mengenai hal ehwal atom itu, adalah mendapat perhatian manusia yang chintakan keamanan dan kemakmoran sa-luruh dunia.

SERUAN KAPADA PEMUDA

Beliau menyatakan lagi bahawa persidangan tersebut telah membuat satu lagi keputusan yang penting yang menyeru pemuda pemudi di-seluruh dunia supaya mempelajari ilmu2 science dan teknik dan bersedia mensesuaian diri mereka untuk hidup dalam zaman atom ini. Mereka hendaklah bersedia bukan sahaja untuk menjadi pemimpin kebangsaan, tetapi hendaklah bersedia menjadi sa-bagai pemimpin dalam segala jurusan sa-bagai pemuda yang akan menjadi warga negara dunia yang hidup dalam zaman atom dan menchintai keamanan dan kemakmoran dunia.

Istiadat menyampaikan lukisan DYMM di-Lapau

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Sharikat Minyak Brunei Shell, Yang Berhormat Dato Paduka Tuan R.E. Hales, yang juga menjadi sa-orang Ahli Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah menyampaikan hadiah lukisan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin bagi pehak Sharikat Minyak tersebut kepada Duli Yang Maha Mulia. Lukisan itu di-lukiskan oleh Puan Irene Heath dari London.

Istiadat tersebut telah di-lakukan oleh Dato Paduka Tuan Hales dengan membuka tabir sutra berwarna kuning yang digantung di-atas muka pintu dalam Lapau Diraja sa-telah selesai acara pembukaan resmi Majlis Meshuarat Negeri Brunei oleh Baginda pada pagi 21 October yang lalu.

Ketika memberi ucapan sebelum membuka tabir tersebut Dato Paduka Tuan Hales berkata bahawa ada-lah menjadi satu kemuliaan kapada-nya dapat membuka tabir lukisan Duli Yang Maha Mulia yang Baginda sendiri telah sudi menerima-nya dari Sharikat Binyak dan diri-nya bagi mengingati pembukaan Majlis Meshuarat Negeri yang baharu.

Dato Paduka Hales menyatakan lagi bahawa beliau lebih2 berasa sukachita kerana dapat peluang sendiri, sebelum ia meninggalkan Brunei salepas lebih



dari delapan tahun, ia-itu Sharikat Minyak tersebut dan diri-nya sendiri telah berhutang budi kapada Baginda dan penasihat2 Baginda atas segala pertolongan dan bantuan.

Antara lain Dato Paduka Hales berkata, "Saya suka juga mengambil peluang ini menyatakan kapada Duli Yang Maha Mulia bahawa kita semua yang di-dalam Sharikat itu mengira diri kita sa-bagai sebahagian ekonomi Negeri Brunei — sabenar-nya tidak-lah salah kalau di-katakan bahawa di-dalam segala kelakuan dan perjalanan kita, perkara ini-lah menjadi utama di-fikiran kita".

JAWATAN KUASA PERKHIDMATAN AWAM

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam yang di-lantikan baharu2 ini adalah saperti berikut :

Yang Berhormat Tuan M.D.B. Graham, Pegawai Kewangan Negeri (Pengurus), Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamad Daud, Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun dan Yang Berhormat Tuan George Newn Ah Foott.

TITAH D. Y. M. M SULTAN BRUNEI

(Dari muka 1)

penubohan sa-suatu Kerajaan yang menurut chara Parlimen dan demokrasi itu akan bergantung di-atas beberapa perkara yang mustahak. Jika tidak adanya beberapa perkara itu yang akan menjadi asas2 bagi penubohan Kerajaan yang sademikian maka tentu-lah Kerajaan itu akan menjadi kuchar kachir salepas sahaja di-tubuhkan Majlis Meshuarat itu.

Sa-lanjut-nya Duli Yang Maha Mulia menyatakan bahawa sesungguhnya di-dalam beberapa tahun yang lampau ra'ayat jela-

ta Negeri Brunei telah menyaksikan tauladan2 perjalanan negeri yang berkerajaan sendiri yang penoh yang berdemokrasi terkandung2 menjadi sa-buah negeri yang berchorakan diktator. Tauladan ini ada-lah menjadi satu amaran kapada ra'ayat jelata dan mesti-lah ra'ayat jelata negeri ini sentiasa menjaga dan mengingati-nya.

"Di-masa ini yang pertamanya mustahak-lah kita menentukan bahawa perkhidmatan awam kita ia-lah tegoh, taat dan boleh menjalankan segala dasar2 Kerajaan dengan bijak dan chergas.

Maka akan menjadi kewajipan yang utama dan tugas bagi Kerajaan Beta untuk mengadakan satu perkhidmatan awam yang sedemikian", kata lagi Duli Yang Maha Mulia.

SAMBUTAN ULANGTAHUN PGMB

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Guru2 Melayu Brunei akan menyambut Ulang tahun-nya yang ke-20 dengan mengadakan keramaian sa-chara besar2-an pada bulan December hadapan.